



جائزہ کیلئے شہرہ کبریٰ قولاً و فعلاً

**KETUA HAKIM SYARIE**

**No. 3, Jalan Batu Gantung, 10450 Pulau Pinang**

Tel: 04-828 2727 / 827 8586 / 827 1875 ; Faks: 04-829 6427

Laman Web: <http://www.penang.gov.my/jabatan/Mah.Syariah/index.html>



Rujukan kami : JKS/PP/100/ 3-19 (73)

Tarikh : 12 Disember 2012

28 Muharram 1434H

Yang Arif Hakim– Hakim Mahkamah Tinggi Syariah  
Semua Hakim Mahkamah Rendah Syariah  
Tuan Ketua Pendaftar & Pendaftar  
Semua Penolong Pendaftar

Yang Arif/ Tuan/ Puan,

#### **PEKELILING KETUA HAKIM SYARIE BILANGAN 5 TAHUN 2012**

#### **SEMAKAN NO. KAD PENGENALAN PIHAK-PIHAK DALAM SISTEM E-SYARIAH SEWAKTU PENDAFTARAN KES**

Saya ingin menarik perhatian Yang Arif Hakim Syarie, Tuan-Tuan Hakim dan Pendaftar kepada keputusan Mesyuarat Hakim-Hakim Syarie Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang Bilangan 4 Tahun 2012 pada 30 Oktober 2012 telah bersetuju dan memutuskan bahawa semua pentadbiran Mahkamah Syariah hendaklah memastikan sebelum sesuatu kes didaftarkan, pegawai yang bertugas mendaftarkan kes hendaklah:-

1. Menyemak terlebih dahulu no. kad pengenalan pihak-pihak melalui sistem e-syariah; dan
2. Sekiranya pihak-pihak telah mendaftarkan apa-apa kes sebelum pendaftaran kes baru tersebut, pegawai bertugas hendaklah mencetak maklumat semakan pertindihan kes dan maklumat semakan pertindihan kes tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam fail.



SIRIM



ISIRI MALAYSIA  
ISIRI MALAYSIA  
Accreditation No:  
QS 0212/1999 CB 01

NO. PENDAFTARAN: AR 3103

**SYARIAH ASAS KEADILAN**

(Sila nyatakan rujukan kami apabila menjawab)


Semakan ini bertujuan mengelakkan kes yang sama yang telah dibuang atau dibatalkan oleh Mahkamah didaftar semula tanpa adanya perintah menghidupkan semula kes.

Arahan ini berkuatkuasa serta merta.

Sekian, terima kasih.

**“CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS”  
“ SYARIAH ASAS KeadILAN”**

Saya yang menurut perintah,



**(DATO' HAJI YUSOF BIN MUSA)**  
Ketua Hakim Syarie  
Jabatan Kehakiman Syariah  
Negeri Pulau Pinang